



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 3 SEPTEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	PENGUSAHA KOLAM DISARAN HASILKAN PRODUK HILIRAN, NASIONAL, BH -20 PEMINDAHAN TEKNOLOGI PERKASAKAN PRODUK HILIRAN HASIL LAUT, RENCANA, BH -12	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
3.	MADA BERTEMU JPJ BINCANG ISU MESIN PADI, DALAM NEGERI, UM -30	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
4. 5. 6.	TIDAK PUTUS-PUTUS SUMBANGAN DITERIMA PENDUDUK YAN, HARAKAH DAILY -ONLINE DULU EJEN SUSU KAMBING, KINI TAUKE PROJEK KAMBING TENUSU, GAYA TANI, UM -21 FOKUS HASILKAN BAJA BERKUALITI, GAYA TANI, UM -22	LAIN-LAIN

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

Lambakan ikan patin, udang harimau

Pengusaha kolam disaran hasilkan produk hiliran

MARDI sedia teknologi boleh dimanfaat penternak

Qleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pengusaha kolam ternakan ikan patin dan udang harimau yang berdepan lambakan hasil berikutan kurang permintaan ekor an pelak sanaan sekatan pergerakan akibat pandemik COVID-19, disaran mempelbagai sumber pendapatan mereka dengan menghasilkan produk hiliran akuakultur.

Penyelidik Kanan Pusat Penyelidikan Sains dan Teknologi Makanan Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Nik Hafizah Nik Ubaidillah, berkata MARDI menyediakan teknologi transformasi bahan mentah seperti ikan atau udang kepada produk tin, sejuk beku, keropok, salai dan pelbagai lagi.

Beliau berkata, MARDI sudah lama membangunkan produk hiliran hasil laut untuk pengusaha yang berdepan lambakan hasil mereka untuk memulakan langkah dengan memanfaatkan teknologi agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) itu.

"Sepanjang lima dekad, MAR-

DI sudah membangunkan hasil ikan dengan lebih 100 produk sudah dibangunkan. Ketika ini, kita ada empat teknologi spesifik yang sesuai dengan lambakan ikan patin dan udang harimau.

"Teknologi sesuai untuk lambakan ikan patin iaitu produk sejuk beku seperti tahu ikan patin, tempura, *fillet* (kepingan isi ikan) dan kebab ikan. Teknologi yang sesuai untuk lambakan udang pula seperti tempura, produk dalam tin dan keropok lekor udang.

"Teknologi yang boleh diubahsuai merangkumi ikan patin dan udang adalah *frankfurter* (sosej salai), sosej, nuget dan burger," katanya ketika kepada *BH*, semalam.

Beliau mengulas mengenai alternatif yang boleh dimanfaatkan pengusaha kolam ternakan seperti ikan patin dan udang harimau yang berdepan lambakan hasil kerana kurang permintaan, sekali gus terpaksa menanggung kerugian ekoran pandemik COVID-19.

Di Lipis, Pahang, lebih 50,000 ikan patin yang ditenak pengusaha sekitar Sungai Jelai mungkin terbiar tua dalam dalam sungai berikutan tidak dapat dijual ekoran sekatan rentas daerah dan negeri, mengakibatkan aktiviti pasaran ikannya terbantut.

Di Melaka pula berlaku lambakan udang harimau seberat 15,000 kilogram (kg) bernilai RM450,000 selepas permintaan makanan laut itu susut mendadak seperti dide-

50,000 ikan patin
tiada pembeli



Keratan
akhbar *BH*,
semalam

dahkan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) negeri.

Mengenai kelebihan produk hiliran, Nik Hafizah menjelaskan ia boleh disimpan lama kerana memiliki jangka hayat yang panjang.

Malah untuk ikan air tawar seperti patin yang sering dikaitkan dengan bau lumpur, katanya, MARDI mempunyai teknik khas untuk membuang rasa dan bau lumpur.

"Ikan patin adalah ikan ketiga tertinggi pengeluaran akuakultur di Malaysia. Statistik pada 2008 menunjukkan sebanyak 7,800 metrik tan direkodkan dan pada 2019 meningkat lebih dua kali ganda kepada 17,600 metrik tan.

"Melalui kajian, kita panjangkan jangka hayat produk tukar dari hasil segar kepada produk. Kalau tahu ikan patin boleh tahan selama setahun bila ubah dalam bentuk sejuk beku.

Udang boleh sampai dua tahun dalam tin. Kita proses dan boleh panjangkan jangka hayat dan bila sampai kepada pengguna untuk tempoh jualan lebih panjang,

sekali gus tidak merugikan pengusaha.

"Sebenarnya, ikan bersaiz besar memang lebih mudah diproses. Ada teknik khas prarawatan untuk buang rasa lumpur dari ikan patin. Rasa sedap dan tidak bau lumpur lagi," katanya.

Mengulas mengenai keenakan produk hiliran yang dihasilkan, Nik Hafizah berkata, terdapat ujian nilai rasa yang dilakukan panel terlatih, selain MARDI turut ada data mengenai penerimaan produk berkenaan berdasarkan kajian saintifik.

Beliau berkata, MARDI juga menjalankan 'kajian rasa' dalam kalangan pengguna merangkumi produk seperti keropok lekor udang bagi menilai tahap produk berkenaan.

Mengulas lanjut, Nik Hafizah berkata, terdapat dua platform di MARDI yang boleh dimanfaatkan pengusaha kolam ternakan iaitu dalam bentuk teknologigunaan awam dan pengkomersialan.

Jelasnya, teknologi gunaan awam lebih kepada kursus dan juga khidmat nasihat, manakala pengkomersialan lebih kepada penjualan teknologi spesifik kepada usahawan tertentu.

"Memang kita faham situasi pandemik COVID-19 menghalang kita berjumpa secara terus tetapi pejabat kami memang dibuka setiap hari dan kami berusaha memberi khidmat nasihat menerusi panggilan telefon," katanya.

Pemindahan teknologi perkasakan produk hiliran hasil laut



Oleh Nik Hafizah Nik Ubaidillah dan Saida Farhanah Sarkam
bhrencana@bh.com.my

Industri perikanan di Malaysia berupaya menghasilkan pengeluaran 1.85 juta tan setahun termasuk perikanan tangkapan, akuakultur dan perikanan darat dengan anggaran nilai RM14.5 bilion.

Namun, bilangan nelayan semakin menyusut saban tahun daripada 97,153 orang pada 2013 kepada 60,500 pada 2019. Malah, bilangan nelayan aktif semakin merosot pada 2020 dengan 55,968.

Ini menunjukkan pengurangan sangat ketara, iaitu 42 peratus antara 2013 hingga 2020. Malah, jumlah nilai penangkapan ikan berkurangan daripada RM1.13 juta tan pada 2020 berbanding RM10.098 juta pada 2019.

Ini secara tidak langsung menunjukkan pendapatan nelayan dan usahawan hasil laut berkurangan sepanjang era pandemik.

Nelayan bergantung sepenuhnya kepada penangkapan hasil laut untuk menajua pendapatan harian. Selain nelayan, aktiviti itu juga punca pencarian kepada usahawan mikro serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang mengusahakan produk hasil laut.

Kebanyakan mereka diklasifikasikan golongan B40 dalam kategori B1 mempunyai hasil pendapatan kurang RM2,500 sebulan.

Sejak hujung 2019, dunia dikejutkan dengan virus yang mencetuskan pandemik global. Malaysia antara terkekan dengan bermula 18 Mac 2020, kerajaan menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pelbagai pihak terkekan dengan arahan ini, termasuklah penggiat industri perikanan, iaitu nelayan dan usahawan PKS.

Walaupun aktiviti perikanan dibenarkan sepanjang tempoh PKP kerana dikategorikan bawah perkhidmatan perlu, kelancaran rantaian bekalan terganggu. Ia termasuk pada peringkat pengeluaran, pengedaran dan peruncitan produk hasil laut yang juga nadi serta sumber makanan utama negara.

Hasil laut segar tidak boleh dijual secara terbuka berikutan penutupan pasar besar, penghantaran hasil laut segar pula terhad kepada kawasan berdekatan. Terdapat juga lambakan hasil laut yang tidak terjual.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menjalankan beberapa inisiatif antaranya pelaksanaan Pasar Segar Terkawal (PST) di 196 lokasi terpilih serta melancarkan pemasaran dan perniagaan dalam talian dengan kerjasama Shopee, Lazada, MyGrocer, Ourshop/Ourfarm Airasia, Dropee dan sebagainya.

Kerajaan juga memberi elaun sara hidup RM300 kepada nelayan secara bulanan dan caruman skim manfaat perlindungan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Semua usaha ini boleh menyelesaikan masalah lambakan hasil laut pada jangka masa pendek. Namun, inisiatif jangka panjang perlu untuk melestarikan pendapatan nelayan dan usahawan B40 ini.

Antara boleh dijalankan ialah pemerkasaan industri hiliran hasil laut. Pemprosesan hiliran didefinisikan sebagai proses pasca penghasilan untuk menambah nilai sesuatu sumber bahan mentah.

Aktiviti pemprosesan dan pemasaran produk hiliran hasil laut antara inisiatif untuk menajua pendapatan nelayan dan usahawan secara lestari. Penajuaan pendapatan ini boleh berterusan sepanjang tahun dan tidak terjejas dengan waktu pandemik.

Aktiviti ini boleh diperkasakan lagi menerusi pembangunan dan pemindahan teknologi daripada institusi penyelidikan awam. Antara yang giat menjalankan penyelidikan ialah Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) dan ia juga agensi penyelidikan utama dalam industri agromakanan negara.

Sejak lima dekad lalu, MARDI yang ditubuhkan 1969, membangunkan lebih 100 teknologi dalam industri pemprosesan produk hiliran hasil laut.

Antaranya, pembangunan produk surimi, produk otoshimi, produk dalam tin, produk peraman dan produk salai. Malah teknologi terbaru dibangunkan MARDI antara 2019 hingga 2021 adalah teknologi keropok lekor lembut, teknologi keropok kepiting segi empat, teknologi keropok lekor cendawan, teknologi sup ikan cendawan, teknologi lof surimi berdagang serta teknologi tauhu ikan patin.

Teknologi dibangunkan ini dipindahkan kepada usahawan sama ada melalui pemindahan teknologi guna awam atau teknologi pengkomersialan.

Selain membangunkan teknologi fizikal dan kaedah pemprosesan baharu produk hiliran hasil laut, MARDI membimbing dan menggalak usahawan untuk menggunakan ilmu dan kemahiran daripada teknologi dalam menajua pendapatan lebih tinggi.

Pemindahan teknologi baharu dijalankan menerusi latihan, khidmat nasihat dan pemantauan rapat pegawai penyelidik. Antara projek MARDI yang memberi impak tinggi kepada nelayan dan usahawan adalah projek AZAM Tani atau Rezeki Tani dan Agropreneur Muda kepada golongan B40.

Sebagai contoh kejayaan program, sehingga 2018, sejumlah 87 peratus peserta AZAM Tani dapat keluar daripada golongan miskin tegar di Terengganu.

Timbalan Ketua Pengarah Penyelidikan MARDI, Dr Mohd Kamal Abdul Kadir, berkata MARDI menasaskan 75 peratus teknologi dihasilkan adalah teknologi guna awam dan bakinya adalah teknologi pengkomersialan untuk mengoptimumkan pendapatan usahawan termasuklah petani, penternak dan nelayan.

Antara teknologi guna awam yang dibangunkan adalah bersifat teknologi tepat guna dengan kos yang minimum, termasuklah teknologi pemprosesan produk hiliran hasil laut.

Pemindahan teknologi MARDI menerusi pengaplikasian pemprosesan produk hiliran hasil laut dengan menggunakan prosedur standard, dapat meningkatkan taraf pendapatan nelayan dan usahawan.

Tambahan pula, prosedur standard dapat membantu meluaskan pasaran produk tempatan ke pasaran antarabangsa dengan pensijilan kualiti, termasuk pensijilan halal.

Oleh itu, nelayan dan usahawan perlu mengambil peluang mempertingkatkan pendapatan mereka dengan menggunakan pelbagai kemudahan disediakan kerajaan.

Oleh kerana industri pertanian dan perikanan tonggak penting menyumbang kepada ekonomi negara, kerajaan memberi tumpuan melalui penggalan dasar dan insentif khas kepada produk hiliran dalam industri ini.

Ia sejajar Dasar Sekuriti Makanan Negara, Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia (DPKM) 2.0, bahkan senada dengan aspirasi kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Dalam jangka masa lebih panjang, semua dasar ini menyokong sub tema Marlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang digariskan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), iaitu sifar kelaparan dan membasmi kemiskinan.



Pemindahan teknologi MARDI menerusi pengaplikasian pemprosesan produk hiliran hasil laut dengan menggunakan prosedur standard, dapat meningkatkan taraf pendapatan nelayan dan usahawan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/9/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

MADA bertemu JPJ bincang isu mesin padi

KANGAR: Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) akan mengadakan pertemuan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) negeri minggu depan bagi membincangkan isu berkaitan kebenaran mesin padi menggunakan jalan raya.

Pengurus Wilayah 1 MADA, Zairizal Zainon berkata, dua mesyuarat akan diadakan minggu depan iaitu antara agensi itu dan JPJ serta bersama pengusaha mesin padi.

Katanya, perbincangan tersebut tertumpu kepada isu berkaitan larangan menggunakan jalan raya untuk jentera mesin padi.

"Saya pun ada bercakap dengan pihak JPJ mengenai perkara ini dan meminta ke-longgaran diberikan kerana bukan semua jalan ladang berada dekat dengan sawah. Takkan nak lintas sedikit pun (jalan raya) tak boleh.

"Banyak jalan ladang berada di belakang, jadi, pengusaha terpaksa menggunakan jalan raya kerana jarak lebih dekat," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Kelmarin, akhbar ini melaporkan, dilema yang dihadapi pengusaha mesin padi yang terpaksa berdepan tindakan dari JPJ termasuk saman kerana menggunakan jalan raya.

Justeru, rata-rata pengusaha dan pesawah berharap JPJ dapat menetapkan garis panduan yang sesuai berhubung masalah tersebut sekali gus memberi manfaat kepada semua pihak terlibat.

Tambah Zairizal, pihak JPJ bertindak sedemikian kerana terdapat segelintir pengusaha yang tidak mematuhi arahan untuk membersihkan 'tahi' mesin padi atau ketulan tanah di atas jalan semasa menggunakan jalan raya.

"Memang JPJ beri pene-kanan di kawasan tersebut (Kampung Sungai Padang) kerana ada segelintir yang degil dan tidak buang balik ketulan tanah yang diting-galkan mesin padi selepas menggunakan jalan.

"Sebelum ini, saya sudah bincang dengan JPJ, jika pengusaha dapat membersihkan ketulan tanah itu, maka tidak ada masalah," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/9/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Tidak putus-putus sumbangan diterima penduduk Yan



YAN: Kerajaan negeri akan mengikuti perkembangan dari semasa ke semasa untuk melihat keperluan asas di Yan dan Kuala Muda yang terkesan dengan kejadian kepala air Gunung Jerai, 18 Ogos lalu.

Menteri Besar, Muhammad Sanusi Md Nor berkata, setakat ini bantuan keperluan kepada penduduk yang terjejas di Yan, Gurun dan Tupah sudah mencukupi.

Menurutnya, bantuan serta sumbangan tidak putus-putus dari pelbagai pihak dalam dan luar negeri.

“Kebanyakan peralatan rumah yang rosak, kita sumbangkan yang baharu termasuk dapur dan tong gas,” ujar beliau di Kampung Aceh, Yan, kelmarin.

Sehubungan itu pihaknya turut mengalu-alukan sumbangan 400 almari yang akan disumbangkan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang dalam tempoh terdekat.

Sungguhpun begitu tambah beliau, untuk kembali kepada keadaan asal, tentunya akan mengambil masa agak lama.

“Walau bagaimanapun keperluan itu akan diambil cakna kerajaan malah dibantu badan bukan kerajaan (NGO), parti politik dan lain-lain di kedua-dua daerah terbabit,” katanya.

Berikutan itu, Sanusi mengucapkan ribuan terima kasih di atas keprihatinan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan di atas peruntukan tambahan sebanyak RM2.8 juta untuk membantu petani dan pesawah.

Katanya tidak dinafikan kejadian 18 Ogos lalu turut mengakibatkan tanah pertanian dan sawah padi turut terjejas.

“Seluas 38 hektar sawah padi ditimbus tanah lumpur, terdapat paip saliran yang putus dan taliair terkambus.

“Kalau ikut Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), kerosakan padi seperti padi rebah atau rosak, petani akan menerima bantuan RM3,000 setiap satu hektar,” kata beliau.

Dalam perkembangan lain, katanya, peruntukan RM50 juta khas untuk membaik pulih infastruktur belum lagi dimulakan dan kemungkinan akan mengambil sedikit masa.

Manakala laluan naik ke Gunung Jerai telah dibaiki dan boleh digunakan. – HARAKHADAILY
2/9/2021

Gaya

TANI



MUHAMMAD Bukhari Mohd. Rashid boleh berbangga dengan pencapaiannya sebagai usahawan ternakan kambing tenusu meskipun hanya bermula sebagai seorang ejen susu kambing. -- UTUSAN/ISWAN SHAFIQ ISA

Dulu ejen susu kambing, kini tauke projek kambing tenusu

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA
gayautusan@mediamulia.com.my

BERMULA sebagai ejen menjual susu kambing secara sambilan lebih lima tahun yang lalu, siapa sangka pemuda ini kini mampu menjual produk susu kambing miliknya sendiri.

Lebih membanggakan, Muhammad Bukhari Mohd. Rashid, 28, juga mampu menguruskan ladang ternakan kambing tenusu di atas tanah seluas lebih satu ekar milik arwah bapanya di Kampung Tun Sardon, Bukit Mertajam, Pulau Pinang ketika ini.

Menurut anak bongsu daripada empat beradik itu, minatnya terhadap haiwan ternakan berputik sejak kecil. Namun, impian itu terbantut kerana bapanya tidak begitu yakin akan keupayaan Muhammad Bukhari menjaga haiwan-haiwan berkenaan.

Justeru dia hanya memendamkan keinginan



Kambing pertama saya dibeli dengan wang simpanan hasil jualan susu kambing sebelum ini selain ditambah dengan sedikit modal yang disumbangkan oleh abang saya pada Disember 2016."

tersebut.

Kata Muhammad Bukhari, sesuai tamat pengajian di Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Sepang, Selangor dan mula melangkah ke alam pekerjaan, minat yang

sekian lamanya dipendamnya itu datang semula.

Untuk itu katanya, dia memulakan langkah pertama dengan menjual susu kambing secara sambilan sebagai seorang ejen.

Lulusan Diploma Kawalan Numerikal Komputer (CNC) itu berkata, kambing pertamanya dibeli dengan wang simpanan hasil jualan susu kambing sebelum ini selain ditambah sedikit modal yang disumbangkan oleh abang pada Disember 2016.

"Kami membeli tiga ekor kambing tenusu baka *Saanen* dan membina kandang kecil tidak jauh dari rumah di Kepala Batas dengan modal permulaan secara keseluruhannya RM10,000," katanya kepada *Utusan Malaysia*, baru-baru ini.

Muhammad Bukhari kemudian mula berjinjimat-cermat dan menyimpan sebahagian gaji setiap bulan untuk membeli lebih banyak kambing dan membuat

kandang yang lebih elok.

Sehinggalah apabila jumlah kambing tenusunya mencecah 20 ekor, pemuda berwawasan itu akhirnya nekad berhenti kerja dan menjadi penternak kambing sepenuh masa.

Ketika ini, Muhammad Bukhari memiliki kira-kira 60 kambing tenusu daripada pelbagai baka termasuk *Saanen*, *British Alpine* dan *Toggenburg* selain menggaji dua pekerja yang membantunya menguruskan ladang ternakan tersebut.

Selain susu segar, pemilik syarikat Rasna Bukhari Enterprise itu turut memproses beberapa produk lain seperti dadih, keju dan kefir atau yogurt.

Dalam masa yang sama, penerima Geran Agropreneur Muda (GAM) daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berjumlah RM20,000 pada 2019 ini turut mengusahakan tiga jenis tanaman rumput.

ia adalah jenis *Napier Dwarf*, *Napier Taiwan* dan *Napier Pak Choy* untuk dikomersialkan selain dijadikan makanan untuk kambing-kambingnya.

"Bagaimanapun, sejak pelaksanaan PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) tahun lepas, saya terpaksa menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam mempelbagaikan produk saya.

"Ketika itu juga timbul idea untuk lebih mengkomersialkan baja organik daripada tahi kambing yang saya jual secara kecil-kecilan sebelum ini. Tanpa disedari, penjualan baja-baja itulah sebenarnya yang membantu saya mengalami kerugian yang besar," katanya.

Menurut beliau, baja pelbagai guna jenama RasnaAgro yang mendapat permintaan menggalakkan itu dijual RM15 sekilogram dan boleh juga dibeli menerusi laman e-dagang seperti Lazada dan Shopee.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/9/2021	UTUSAN MALAYSIA	GAYA TANI	22



MUHAMMAD Bukhari memantau pekerjaanya memeriksa kuku seekor kambing tenusu yang dimerak di sebuah ladang di Kampung Tun Sardon, Bukit Mertajam, baru-baru ini.



MUHAMMAD Bukhari menunjukkan keratan batang rumput napier yang mendapat sambutan agak baik di pasaran ketika ini.

SEPERTI usahawan lain yang sentiasa merencana impian masa hadapan mereka, Muhammad Bukhari Mohd. Rashid juga tidak terkecuali.

Katanya, dia sedang menjalankan kajian dan penyelidikan sendiri untuk menghasilkan baja organik yang lebih bersifat spesifik sama ada untuk sayur-sayuran, buah-buahan dan sebagainya agar ia lebih berkualiti.

"Sekarang, baja yang saya hasilkan adalah untuk kegunaan am. Mungkin lepas ini baja untuk pokok durian musang akan saya khususkan untuk pokok musang sahaja sebagai contoh," ujarnya.

Pada masa yang sama katanya, Rasna Bukhari Enterprise juga akan melebarkan sayap perniagaan mereka dengan menceburi bidang kosmetik atau kecantikan berasaskan susu kambing.

Muhammad Bukhari berkata, antara produk tersebut termasuk sabun susu kambing, scrub mandian serta beberapa produk lain yang dihasilkan daripada ekstrak susu berkenaan.

Menurutnya, impian tersebut bagaimanapun hanya dapat direalisasikan menjelang 2025 selepas kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan (R&D) selesai.

Ini memandangkan produk tersebut perlu melalui penilaian yang agak ketat bagi mengetahui sejauh mana kesannya terhadap kulit manusia dan sebagainya.

Jelas Muhammad Bukhari, dia juga ada membuka perniagaan kambing golek

Fokus hasilkan baja berkualiti



RUMPUT jenis Napier Dwarf yang ditanam untuk dijadikan makanan kambing serta dikomersialkan oleh Muhammad Bukhari.

yang diusahakan bersama seorang rakan sebelum ini.

"Kami biasanya menerima tempahan ketika berlangsung satu-satu majlis seperti jamuan, kenduri akikah dan lain-lain.

"Bagaimanapun, disebabkan PKP ini, perniagaan tersebut tergendala buat sementara waktu," katanya.

Beliau juga berhasrat mempelbagaikan lagi produk keluaran syarikatnya pada masa depan selain memastikan pengeluaran susu kambing miliknya terus dipertingkatkan seiring dengan kualiti.



MUHAMMAD Bukhari menunjukkan sebahagian daripada produk yang dihasilkan oleh syarikat Rasna Bukhari Enterprise.